

**PENGARUH IDENTITI MORAL DAN IDENTITI
PROSOSIAL TERHADAP MODIFIKASI
TINGKAH LAKU PROSOSIAL
REMAJA DELINKUEN**

GRACE AMANDA BASI ANAK KUMBONG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH IDENTITI MORAL DAN IDENTITI PROSOSIAL TERHADAP
MODIFIKASI TINGKAH LAKU PROSOSIAL REMAJA DELINKUEN**

GRACE AMANDA BASI ANAK KUMBONG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 08 (hari bulan) 3 (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, Grace Amanda Basi anak Kumbong, M20182002203 Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pengaruh Identiti Moral dan Identiti Prososial Terhadap Modifikasi Tingkah Laku Prososial Remaja Delinkuen adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof Madya Dr Tan Bee Piang dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengaruh Identiti Moral dan Identiti Prososial Terhadap Modifikasi Tingkah Laku Prososial Remaja Delinkuen dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Pendidikan Moral.

08 MAC 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Pengaruh Identiti Moral Dan Identiti Prososial Terhadap Modifikasi
Tingkah Laku Prososial Remaja Delinkuen

No. Matrik / Matric's No.: M20182002203
Saya / I : Grace Amanda Basi anak Kumbong
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

DR TAN BEE PIANG
PROFESOR MADYA

Jabatan Pengajian Moral
Sivik dan Pembangunan Karakter
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 08 MAC 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Halleluyah! Halleluyah! Halleluyah!

Segala puji syukur kepada Allah Bapa, Putra dan Roh Kudus di atas limpah kurnia dan berkat-Nya yang tidak berkesudahan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tanpa ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan yang telah Engkau karuniakan, saya tidak akan dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat pensyarah penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr Tan Bee Piang yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar memberikan bantuan dan berkongsi ilmu pengetahuan dengan saya. Tanpa dorongan, sokongan dan komitmen dari beliau, saya tidak akan dapat menyempurnakan kajian ini. Tidak dilupakan juga buat Dr Noor Banu dan juga Encik Syahrhan Azan yang sentiasa memberikan buah fikiran dan pandangan yang tidak ternilai sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang paling istimewa bagi orang tua saya Kumbong anak Langit dan juga Silver Talie anak Mawat. Tanpa dorongan kalian berdua, saya tidak akan dapat berada di sini sekarang. Adik beradik saya, Rondhel, Wenceslaus dan Michelle. Kalian adalah inspirasi saya. Yang teristimewa kakak ipar Anita dan anak buah tercinta Karl, kalian adalah pelengkap hidup saya. Kajian ini telah benar-benar menguji kekuatan mental dan fizikal saya. Dan saya percaya kalian ialah orang yang paling bangga melihat kajian ini siap. Terima kasih yang tidak terhingga di atas segala sokongan dan dorongan baik dari segi wang ringgit mahupun kata-kata semangat.

Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah Pendidikan Moral yang tidak dapat saya ungkapkan satu persatu nama kalian yang telah memberi bimbingan tanpa jemu. Kepada sahabat saya Ammelia, Bibiana, Doratya, Hashiq dan Dr Fadzliah yang sama-sama berjuang dengan saya dalam mengorak langkah di jalan ini dan tanpa jemu memberi semangat. Perjalanan ini menjadi lebih bermakna bagi saya kerana kalian. Tidak dilupakan juga buat Margaret yang tidak pernah jemu memberikan dorongan dan kekuatan kepada saya dari jauh ketika saya hilang motivasi. Dan akhir sekali serta yang paling istimewa, buat Jeffer yang tidak pernah jemu memberi dorongan, pandangan serta sudi mendengar segala rungutan, bebelan, dan juga kerana mempercayai diri ini lebih dari saya mempercayai diri sendiri.

Akhir kata, ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak serta para responden yang sudi menjawab soal selidik saya dan juga rakan yang tidak dapat saya sebut satu persatu nama kalian. Ribuan terima kasih dan Shalom!

“If any of you lacks wisdom, you should ask God, who gives generously to all without finding fault, and it will be given to you.”

—James 1:5





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh identiti moral dan identiti prososial terhadap modifikasi tingkah laku prososial remaja delinkuen. Reka bentuk kajian adalah kajian kuantitatif bukan eksperimental yang melibatkan 108 orang responden yang merupakan pelajar sekolah menengah yang berusia dalam lingkungan 13 hingga 16 tahun yang mempunyai rekod masalah disiplin. Responden kajian dipilih secara rawak dari beberapa buah sekolah terpilih di negeri Perak. Dapatan kajian mendapati bahawa kedua-dua pemboleh ubah bebas iaitu identiti moral dan juga identiti prososial telah berkorelasi secara positif lemah dan signifikan dengan tingkah laku prososial remaja delinkuen. Seterusnya, kajian mendapati bahawa identiti moral dan identiti prososial telah memberikan sumbangan yang signifikan di mana identiti prososial telah memberikan sumbangan yang lebih besar berbanding identiti moral terhadap modifikasi tingkah laku prososial remaja delinkuen. Kajian ini memberi implikasi terhadap keperluan meneliti perkembangan identiti moral dan juga identiti prososial dari perspektif budaya moral masyarakat Asia amnya dan budaya moral rakyat Malaysia khususnya. Kajian yang lebih meluas dan komprehensif perlu dilaksanakan yang meliputi faktor budaya bagi melihat pengaruh identiti moral dan identiti prososial terhadap modifikasi tingkah laku prososial remaja delinkuen.



THE INFLUENCE OF MORAL IDENTITY AND PROSOCIAL IDENTITY TOWARDS THE MODIFICATIONS OF DELINQUENT'S PROSOCIAL BEHAVIOR

ABSTRACT

This study was aimed to study the influence of moral identity and prosocial identity towards the modifications of delinquent's prosocial behaviour. This research used a non-experimental design involving 108 secondary school's students aged between 13 to 16 years old with disciplinary problems record. The respondents were chosen randomly from different schools in Perak. Data collected shows that both independent variables namely moral identity and prosocial identity correlate positively weak and yet significant with the delinquent's prosocial behaviour. The results also showed significant contribution by moral identity and prosocial identity towards the modifications of delinquent's prosocial behaviour with prosocial identity contribute slightly higher than that of moral identity. This study implicates the need for a research exploring the development of moral and prosocial identity from the perspectives of Asian's moral culture generally and Malaysian's moral culture particularly. An extensive and comprehensive research encompassing the cultural factors should be conducted to further elucidate the influence of moral identity and prosocial identity towards the modifications of delinquent's prosocial behaviour.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	12
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Persoalan Kajian	21
1.6	Hipotesis Kajian	22
1.7	Kerangka Teoritikal Kajian	23

1.8	Kerangka Konsep Kajian	27
1.9	Definisi Operasional	29
1.9.1	Identiti Moral	29
1.9.2	Identiti Prososial	31
1.9.3	Tingkah Laku Prososial	32
1.9.4	Remaja Delinkuen	34
1.10	Batasan Kajian	35
1.11	Kepentingan Kajian	38
1.12	Pengorganisasian Bab	43
1.13	Rumusan Bab	46

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	47
2.2	Konsep serta Dimensi Identiti, Identiti Moral dan Identiti Prososial	48
2.3	Konsep dan Dimensi Tingkah Laku Prososial	65
2.4	Identiti Moral dan Identiti Prososial sebagai Mekanisma Pengawalan Diri	71
2.5	Tingkah Laku Prososial dari Perspektif Sosio-Kognitif	76
2.6	Kajian Bertingkah Laku: Perspektif Global	81
2.7	Rumusan Bab	92

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	94
3.2	Reka bentuk Kajian	96
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	98
3.4	Instrumen Kajian	105
3.5	Analisis Penerokaan dan Ujian Normaliti	108
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	109
	3.6.1 Kajian Rintis	111
3.7	Prosedur Kajian	114
	3.7.1 Prosedur Sebelum Kajian	115
	3.7.2 Prosedur Semasa Kajian	118
3.8	Teknik Analisis Data	119
	3.8.1 Analisis Faktor	120
	3.8.2 Analisis Statistik Deskriptif	122
	3.8.3 Analisis Statistik Inferensi	124
3.9	Rumusan Bab	126

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pendahuluan	127
4.2	Analisis Data Demografi Responden (Bahagian A)	128
	4.2.1 Jantina Responden	129
	4.2.2 Bangsa Responden	129

4.2.3 Agama Responden	130
4.2.4 Tingkatan Responden	131
4.3 Analisis Faktor Lajutan	132
4.3.1 Justifikasi Pemilihan Faktor	137
4.4 Analisis Statistik Deskriptif (Bahagian B)	141
4.5 Analisis Statistik Deskriptif (Bahagian C)	152
4.6 Analisis Korelasi	167
4.7 Analisis Regresi	169
4.8 Rumusan Bab	174

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	175
5.2 Ringkasan Kajian	176
5.3 Perbincangan dan Kesimpulan Dapatan	177
5.3.1 Kesimpulan Dapatan	179
5.4 Implikasi dan Signifikasi Dapatan	194
5.5 Limitasi Kajian serta Cadangan untuk Kajian Depan	198
5.6 Rumusan Bab	199

RUJUKAN	200
----------------	-----

LAMPIRAN	226
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Kanak-kanak terlibat dengan jenayah mengikut jantina	4
2.1	Ringkasan lapan tahap penting teori Identiti Erik Erikson	51
3.1	Bilangan murid dan sekolah yang dipilih	105
3.2	Ujian Normaliti	109
3.3	Nilai Cronbach's Alpha bagi item <i>Moral Ideal Self Scale</i>	113
3.4	Nilai Cronbach's Alpha bagi item PTM-R	113
3.5	Matriks Transformasi Komponen	114
3.6	Analisis statistik yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian	120
3.7	Ujian KMO dan Bartlett	121
3.8	Interpretasi skor min tahap perkembangan identiti moral	123
3.9	Interpretasi skor min tahap perkembangan identiti prososial	123
3.10	Interpretasi skor min tahap perkembangan tingkah laku prososial	124
3.11	Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	125
4.1	Jantina Responden	129
4.2	Bangsa Responden	130
4.3	Agama Responden	131
4.4	Tingkatan Responden	131

4.5	Penjelasan Jumlah Varians	132
4.6	Matriks Komponen	134
4.7	Matriks Komponen Putaran	135
4.8	Matriks Transformasi Komponen	136
4.9	Soalan dalam Kategori Faktor Identiti Prososial	137
4.10	Soalan dalam Kategori Faktor Tingkah Laku Prososial	139
4.11	Analisis Item <i>Moral Ideal Self Scale</i>	142
4.12	Interpretasi skor min tahap perkembangan identiti moral	152
4.13	Prosocial Tendencies Measure-Revised (Faktor Identiti Prososial)	153
4.14	Interpretasi skor min tahap perkembangan identiti prososial	160
4.15	Prosocial Tendencies Measure-Revised (Faktor Tingkah Laku Prososial)	161
4.16	Interpretasi skor min tahap perkembangan tingkah laku prososial	166
4.17	Interpretasi nilai pekali korelasi	167
4.18	Korelasi di antara Identiti Moral, Identiti Prososial dan Tingkah Laku Prososial	168
4.19	Hubungan di antara Identiti Moral dan Tingkah Laku Prososial	168
4.20	Hubungan di antara Identiti Prososial dan Tingkah Laku Prososial	169
4.21	Ringkasan Model ^b	170
4.22	ANOVA ^a	170
4.23	Koefisien	171
5.1	Item 5 bagi Tingkah Laku Prososial	182

5.2	Item 2 bagi Identiti Prososial	185
5.3	Item 5 bagi Identiti Prososial	186

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Pengaruh Triadik di dalam Teori Sosial Kognitif	23
1.2 Kerangka Teoritikal Kajian	26
1.3 Kerangka Konsep Kajian	28
2.1 Pengaruh Triadik di dalam Teori Sosial Kognitif	79
3.1 Prosedur Pengumpulan Data	117
4.1 Graf <i>Scree Plot</i>	133
5.1 Pengaruh Triadik di dalam Teori Sosial Kognitif	191
5.2 Ringkasan Kerangka Teoritikal Kajian	192
5.3 Ringkasan Kesimpulan Kajian	193

SENARAI SINGKATAN

EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
FPPM	Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia
FSK	Fakulti Sains Kemanusiaan
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Perak
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>
KNYPI	<i>Korean National Youth Policy Institute</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAV	Pentaksiran Pendidikan Asas Vokasional
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPI	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
PTM-R	<i>Prosocial Tendencies Measure-Revised</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia

STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UNICEF	<i>United Nations International Children's Fund</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WHO	<i>World Health Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Output SPSS utama
- B Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
- C Surat Kebenaran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan
Inovasi
- D Helaian Penerangan Untuk Responden
- E Borang: Persetujuan Responden Untuk Menyertai Kajian
- F Helaian Penerangan Untuk Ibu Bapa Responden
- G Borang : Persetujuan Ibu Bapa Responden Untuk
Membenarkan Responden Menyertai Kajian
- H Borang Soal Selidik

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

“Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara”

Secara ringkasnya, cogan kata ini membawa maksud bahawa golongan muda merupakan harapan negara dalam memacu masa depan negara. Golongan muda merupakan aset penting bagi sesebuah negara. Hal ini demikian kerana, golongan muda merupakan golongan yang akan menjadi pemimpin negara pada satu hari kelak. Oleh sebab itu, setiap negara memandang serius terhadap pembentukan sistem pendidikan berkualiti tinggi yang boleh melahirkan individu yang kompeten dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi membolehkan golongan remaja ini bersaing di dalam pelbagai bidang pada peringkat antarabangsa.



Malaysia juga tidak ketinggalan dalam membina sistem pendidikan yang berkualiti bagi mengembangkan potensi individu setiap murid sebagai persediaan untuk mereka menangani cabaran abad ke-21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan pendidikan yang dibentuk dengan tujuan bagi melakarkan visi dan juga misi sistem pendidikan Malaysia serta aspirasi murid yang boleh memenuhi keperluan negara untuk bersaing di peringkat global pada masa akan datang (PPPM, 2013 – 2025).

Terdapat lima aspirasi penting di dalam PPPM 2013 – 2025 iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan juga kecekapan. Bagi mencapai aspirasi ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar di samping membentuk pelan pendidikan yang membolehkan setiap murid mempunyai kemahiran yang berkualiti bagi mencapai aspirasi penting PPPM 2013 – 2025 tersebut. Terdapat enam kemahiran penting yang perlu dimiliki murid bagi membolehkan aspirasi sistem pendidikan Malaysia tercapai iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Pembentukan etika yang tinggi dalam diri setiap murid dilihat sebagai salah satu faktor yang penting bagi menghasilkan individu yang dapat memberikan sumbangan dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Walau bagaimanapun, usaha ini dilihat sebagai satu jalan buntu apabila semakin ramai remaja didapati terlibat dengan kes jenayah juvana. Laporan statistik jenayah 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapati bahawa seramai 4,833 orang kanak-kanak didapati terlibat dengan kes jenayah juvana. Penglibatan kanak-kanak yang berusia seawal 10 hingga 12





tahun di dalam kes jenayah juvana (JKM, 2018) merupakan satu isu dan juga cabaran yang sangat besar di Malaysia dan perlu diberi perhatian khusus oleh pelbagai pihak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja merupakan satu isu yang sangat membimbangkan dan boleh menjejaskan pembangunan negara (Abssha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah, 2019) bukan sahaja dari aspek sosial tetapi juga dari aspek pembangunan ekonomi negara. Kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai inisiatif seperti sistem keadilan juvana sebagai salah satu usaha untuk membendung masalah salah laku remaja. Sistem keadilan juvana di Malaysia bukan sahaja memainkan peranan sebagai tempat menghukum tetapi juga berperanan sebagai institusi koreksional atau pemulihan bagi pesalah juvana (Ibrahim Samad, 2013) agar kanak-kanak ini dapat kembali kepada masyarakat sebagai warganegara yang proaktif dan bertingkah laku prososial.

Darusalam Budin (2013) di dalam kajiannya menyatakan bahawa Jabatan Penjara Malaysia telah menyediakan program pemulihan bagi juvana sebagai satu usaha bagi membendung salah laku dan jenayah dalam kalangan remaja di mana program yang dijalankan adalah program pemulihan melalui sistem persekolahan iaitu Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Pada awalnya, iaitu pada tahun 1948, hanya sekolah Henry Gurney yang diwujudkan sebagai satu inisiatif bagi pemulihan. Namun, pada tahun 2008, Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan enam buah Sekolah Integriti secara zon iaitu zon utara, timur, selatan tengah, Sabah dan Sarawak (Jabatan Penjara Malaysia, 2009).

Laporan statistik JKM pada tahun 2019 menunjukkan terdapatnya penurunan jumlah kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah bagi setiap tahun daripada tahun 2017 hingga 2019 iaitu daripada 5,443 kes pada tahun 2017 kepada 5,294 kes pada tahun 2018 kepada 4,833 kes pada tahun 2019. Meskipun terdapat penurunan jumlah kes kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah, bilangan kes yang didaftarkan ini masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan di mana penurunan yang berlaku adalah pada kadar yang sedikit. Misalannya, penurunan jumlah kes kanak-kanak lelaki yang terlibat dengan jenayah pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah sebanyak 2.76% sahaja. Manakala penurunan jumlah kes kanak-kanak lelaki yang terlibat dengan jenayah pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah sebanyak 9.21% sahaja. Bagi kanak-kanak perempuan pula, penurunan kes pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah sebanyak 2.36% sahaja dan tiadanya penurunan kes pada tahun 2019 daripada tahun 2018. Rujuk jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1

Kanak-kanak terlibat dengan jenayah mengikut jantina

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2017	5146	297	5443
2018	5004	290	5294
2019	4543	290	4833

Punca: Laporan diubahsuai daripada Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2019).





Minor, Wells dan Angel (2008) menyatakan bahawa masalah tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja merangkumi pelbagai aspek seperti tidak menghormati orang lain, kekurangan kawalan diri, kemahiran pembuatan keputusan yang lemah, kelemahan dalam mengawal perasaan marah dan tidak bertanggungjawab. Dengan peningkatan kadar jenayah juvana yang sangat membimbangkan ini, para ahli akademik di Barat dan juga di Malaysia menyedari akan kepentingan untuk menjalankan kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi remaja untuk bertingkah laku delinkuen. Hal ini demikian kerana, apabila faktor yang menyumbang kepada pembentukan tingkah laku delinkuen dapat dikenal pasti, pelbagai intervensi dapat diwujudkan bagi membendung tingkah laku yang melanggar peraturan dan norma masyarakat ini.

Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengkaji faktor yang boleh mempengaruhi remaja untuk membuat pertimbangan moral yang membawa kepada pembentukan tingkah laku yang bermoral, samada di Malaysia (Azizi Hj Yahaya et al., 2004; Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016; Nazirah Hassan & Tuan Sharifah Diana, 2013) mahupun di Barat (Holligan & Mclean, 2018; Johnston & Krettenauer, 2011; Hardy, Bean & Olsen, 2015). Antara kajian yang popular adalah kajian mengenai peranan pertimbangan moral dalam mengembangkan tingkah laku bermoral dan tingkah laku prososial (Brooks, Narvaez & Bock, 2013; Carlo, 2014; Wyatt & Carlo, 2002; Gibbs, 2014; Rutten et al., 2007; Gibbs, Basinger, Grime & Snarey, 2007; Paciello, Fida, Cerniglia, et al., 2013a; Paciello, Fida, Tramontano et al., 2013b).

Meskipun terdapatnya peningkatan dalam kajian-kajian yang mengkaji faktor yang mempengaruhi perkembangan tingkah laku positif remaja, peningkatan kadar jenayah juvana masih lagi meningkat pada kadar yang membimbangkan. Pengenalpastian faktor





yang menyumbang kepada tingkah laku yang delinkuen adalah penting bagi mewujudkan intervensi yang berseuaian. Namun, sekiranya matlamat akhir dalam sesebuah modifikasi tingkah laku adalah untuk mewujudkan insan yang bertingkah laku prososial, faktor yang memotivasikan individu berkenaan untuk membuat pertimbangan moral yang membawa kepada perkembangan tingkah laku yang baik dan bermoral, haruslah diambil kira kepentingannya.

Tingkah laku prososial merupakan satu subjek yang sangat penting dalam kajian mengenai tingkah laku. Tingkah laku prososial merujuk kepada tingkah laku membantu secara sukarela dengan niat untuk memberi manfaat kepada orang lain (Penner, Dovidio, Piliavin & Schroeder, 2005). Tingkah laku prososial merupakan tindakan yang dianggap oleh kumpulan masyarakat sebagai satu tindakan yang memberi manfaat kepada orang lain (Penner et al., 2005) di mana tingkah laku ini dilakukan secara sukarela (Eisenberg & Spinrad, 2014). Namun demikian tingkah laku prososial tidak hanya terikat kepada tingkah laku yang membantu semata-mata. Malahan, tingkah laku prososial menurut Padilla-Walker & Carlo (2014) merupakan satu konstruk tingkah laku yang berbentuk multi-dimensi iaitu tingkah laku membantu, berkongsi dan juga menenangkan (Conte, Grazzani & Pepe, 2018).

Tingkah laku membantu merupakan satu tindakan yang dilakukan dengan niat untuk memenuhi keperluan instrumental atau keperluan penting individu yang dibantu (Dunfield, Kuhlmeier, O'Connell & Kelley, 2011). Tingkah laku berkongsi pula merupakan tingkah laku di mana individu berkenaan secara sukarela memberikan sumber berharga mereka kepada individu yang menginginkan atau memerlukan sumber yang berkenaan (Brownell, Iesue, Nichols & Svetlova, 2013a). Manakala tingkah laku menenangkan pula merupakan



tingkah laku yang dilakukan dengan niat untuk menenangkan keadaan individu dibantu yang negatif dari segi emosi dan fizikal (Zahn-Waxler & Radke-Yarrow, 1990). Ketiga-tiga jenis tingkah laku prososial ini bergantung kepada penilaian sosial-kognitif yang berbeza iaitu matlamat, keinginan dan juga emosi (Dunfield et al., 2011). Melalui penilaian ini, individu berkenaan akan dapat menggunakan maklumat yang diperoleh untuk memahami serta meramal tingkah laku individu yang lain (Frith, 2012) sekaligus mengambil tingkah laku prososial yang bersesuaian (Dunfield, 2014).

Terdapat pelbagai cara yang membolehkan seseorang individu yang ingin membantu untuk bertindak secara prososial. Namun, individu berkenaan perlulah terlebih dahulu (1) mampu mengenal pasti bahawa orang lain selain diri mereka mempunyai masalah; (2) mampu mengenal pasti punca permasalahan tersebut; dan (3) mempunyai motivasi untuk membantu menyelesaikan masalah berkenaan (Dunfield, 2014). Untuk melaksanakan tiga langkah yang berkenaan, seseorang individu itu perlulah mempunyai kapasiti sosial kognitif yang matang akan membawa kepada perkembangan tingkah laku yang prososial (Brownell, Ramani & Zerwas, 2006). Pernyataan ini adalah selaras dengan kajian oleh Brownell et al. (2013b) yang menyatakan bahawa tingkah laku prososial adalah saling berkait dengan perkembangan sosial-kognitif manusia. Oleh itu, adalah penting bagi seseorang individu yang ingin membantu atau menenangkan untuk mengembangkan kapasiti sosial kognitif yang matang bagi mengembangkan tingkah laku prososial individu yang berkenaan.

Tingkah laku prososial sering dikaji dalam konteks yang sangat umum dan luas di mana kajian yang dijalankan adalah bergantung kepada penilaian secara global (Patrick, Bodine, Gibbs & Basinger, 2018). Penilaian dan kajian yang diukur menggunakan penilaian umum ini tidak dapat menyatakan dengan khusus samada tingkah laku prososial ini digalakkan



oleh pertimbangan moral atau adalah disebabkan keperluan untuk mendapat pujian semata-mata (Eisenberg & Spinrad, 2014). Pelbagai pendekatan teoritikal telah dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang boleh mempengaruhi individu untuk bertingkah laku yang menepati norma sosial. Salah satu pendekatan teoritikal yang telah diperkenalkan adalah model perkembangan kognitif yang dipelopori oleh Piaget (1932) dan seterusnya dikembangkan oleh Kohlberg (1971) dan juga Rest (1979).

Model perkembangan kognitif ini mencadangkan bahawa pertimbangan moral dapat meramal dan membantu untuk memberi maklumat mengenai tingkah laku moral individu (Kohlberg, 1969; Gibbs, Basinger & Fuller, 1992; Rest & Narvaez, 1994). Apabila penaaakulan moral seseorang remaja berkembang seiring dengan peningkatan usia mereka, remaja berkenaan akan menunjukkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai nilai moral serta hubungan interpersonal dan seterusnya menyumbang kepada kecenderungan untuk bertingkah laku positif dengan orang lain (Carlo, Hausmann, Christiansen & Randall, 2003; Eisenberg, Spinrad & Knafo-Noam, 2015; Gibbs, 2014).

Perkembangan moral sering kali dikenal pasti sebagai faktor positif yang menyumbang kepada perkembangan tingkah laku prososial individu (Patrick et al., 2018; Li, Hao & Shi, 2018). Walau bagaimanapun, teori perkembangan kognitif ini tidak dapat menjelaskan dengan sepenuhnya kefungsiian moral seseorang individu di mana penaaakulan moral sahaja tidak dapat meramal apakah tindakan moral yang akan diambil oleh seseorang individu itu (Blasi, 1983). Malahan, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang lemah serta kurangnya konsistensi di antara peranan faktor pertimbangan moral dengan perkembangan tingkah laku moral (Patrick et al., 2018; Walker, 2004; Ding et al., 2018). Kohlberg sendiri misalannya (seperti yang dirujuk oleh Aquino & Reed, 2002)





menyatakan bahawa pertimbangan moral membantu untuk memberi maklumat mengenai tingkah laku moral individu namun beliau tidak pernah menyatakan bahawa pertimbangan moral sahaja adalah mencukupi dalam mempengaruhi seseorang individu untuk bertingkah laku moral.

Justeru, Blasi (1983) kemudiannya telah mengembangkan satu model sendiri yang diadaptasikan daripada teori identiti Erikson di mana teori ini mencadangkan konstruk mekanisme pengawalan diri iaitu identiti moral, sebagai konstruk yang akan mempengaruhi individu dalam membuat pertimbangan moral dan seterusnya membawa kepada perkembangan tingkah laku yang bermoral. Blasi (1984) juga turut mencadangkan bahawa tingkah laku moral memerlukan seseorang individu untuk melihat moral serta pertimbangan moral sebagai satu teras yang utama kepada identiti mereka serta menjadikan sifat moral sebagai satu faktor yang merupakan sebahagian daripada identiti mereka. Individu yang mempunyai tahap identiti moral yang kuat akan lebih bersedia dan bermotivasi untuk bertingkah laku prososial dan beretika (Hertz & Krettenauer, 2016; Hardy & Carlo, 2011).

Terdapat banyak kajian di negara Barat yang telah dijalankan bagi membuktikan bahawa identiti moral mampu memotivasikan tingkah laku prososial khususnya dalam kalangan remaja (Hardy et al., 2015; Gotowiec & Mastrigt, 2019; Patrick et al., 2018; Hardy & Carlo, 2005; Hertz & Krettenauer, 2016; Winterich, Aquino, Mittal & Swartz, 2013b). Hardy dan Carlo (2011) dalam kajian mereka misalannya, menyatakan bahawa identiti moral boleh dilihat sebagai satu alat yang menghubungkan pertimbangan moral dengan tingkah laku moral. Dapatan ini adalah selaras dengan pernyataan Walker (2004) yang menyatakan bahawa identiti moral dapat mengurangkan jurang di antara pertimbangan dan tindakan moral, memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai motivasi dan





komitmen serta menjadi komponen yang penting di dalam perkembangan moral.

Perkembangan tingkah laku prososial memerlukan seseorang individu itu didorong oleh identiti moralnya (Winterich et al., 2013b; Hardy et al., 2015; Aquino & Reed, 2002; Hardy, 2006). Namun demikian, Na dan Paternoster (2019) menyatakan bahawa perkembangan tingkah laku prososial turut memerlukan pengembangan identiti prososial sebagai satu faktor yang membantu proses semulajadi dalam menghentikan tingkah laku delinkuen. Identiti moral sahaja tidak mencukupi untuk mendorong individu bertingkah laku moral. Malahan, terdapat kajian yang menyatakan bahawa untuk mengembangkan komitmen ke atas identiti prososial, individu berkenaan perlulah mengembangkan identiti yang selaras dengan perilaku yang dikehendaki (Silver & Ulmer, 2012; Na & Paternoster, 2019). Identiti prososial merupakan satu elemen penting dalam mengembangkan komitmen ke atas sesebuah tindakan iaitu tindakan prososial yang konsisten dengan identiti berkenaan (Paternoster & Bushway, 2009).

Identiti prososial telah didefinisikan sebagai satu bentuk pengkonseptualan sendiri yang melibatkan tingkah laku membantu, memberi manfaat serta berempati dengan orang lain (Grant et al., 2009). Seseorang individu itu akan dianggap sebagai memiliki identiti prososial sekiranya identiti individu berkenaan dikembangkan dengan berasaskan nilai-nilai yang prososial (Hardy, 2005). Kenyataan ini adalah selaras dengan pernyataan Blasi (1983) di mana manusia mempunyai kecenderungan untuk hidup sejajar dengan sendiri mereka. Justeru, apabila sendiri seseorang individu itu adalah berlandaskan nilai prososial, ianya akan menjadi faktor yang memotivasikan tingkah laku yang bermoral dan juga prososial. Ahli psikologi moral secara umumnya bersetuju bahawa terdapat dua domain yang utama dalam kemoralan iaitu adil dan prihatin (Eisenberg, 1986; Lapsley, 1996; Gibbs, 2003;





Moshman, 2005). Walau bagaimanapun, tumpuan lebih banyak diberikan kepada domain adil yang meliputi isu keadilan dan kesaksamaan berbanding domain prihatin yang meliputi isu membantu dan kebaikan (Lapsley, 1996). Maka, kajian ke atas domain prososial dalam kemoralan perlu dijalankan.

Di dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan teori sosial kognitif sebagai pendekatan teoritikal kajian. Teori sosial kognitif adalah teori yang dipelopori oleh Albert Bandura yang dikembangkan daripada teori pembelajaran sosial Bandura (1986). Teori sosial kognitif ini terdiri daripada lima kemampuan asas manusia iaitu, (1) persimbolan (*symbolizing*), (2) perancangan awal (*forethought*), (3) pembelajaran berdasarkan pengalaman (*vicarious learning*), (4) pengawalan sendiri (*self-regulation*) dan (5) refleksi diri (*self-reflection*). Dengan berdasarkan teori sosial kognitif ini, penyelidik akan menentengahkan kemampuan asas yang keempat iaitu pengawalan sendiri sebagai fokus utama kajian ini di mana penyelidik akan merujuk kepada konsep mekanisma pengawalan diri yang dipelopori oleh Blasi (1983) iaitu identiti moral dan juga identiti prososial. Oleh itu, dengan mengambil kira perspektif sosial-kognitif, penyelidik akan mengenal pasti tahap perkembangan identiti moral, identiti prososial dan tingkah laku prososial remaja delinkuen, hubungan di antara identiti prososial dan identiti moral dalam mengembangkan tingkah laku prososial remaja serta jumlah sumbangan identiti moral dan identiti prososial terhadap perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.





1.3 Permasalahan Kajian

Kelaziman tingkah laku yang agresif serta delinkuensi dalam kalangan remaja merupakan satu isu yang sangat membimbangkan masyarakat. Tingkah laku delinkuensi serta jenayah juvana merupakan satu permasalahan sosial yang sangat besar bukan sahaja kerana keseriusan jenayah berkenaan tetapi juga kerana tingkah laku bermasalah pada usia yang muda ini mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk berterusan secara kronik di sepanjang hayat pesalah di bawah umur ini (Romeral, Fernández & Fragueta, 2018). Terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan bagi mengkaji faktor penentu bagi meramal tingkah laku antisosial serta delinkuensi dalam kalangan remaja agar langkah pencegahan dapat dijalankan (Moral & Suárez, 2016; McMahon et al., 2013).



Berdasarkan kajian-kajian lepas, pertimbangan moral sering kali dikaitkan secara positif dalam pembentukan tindakan yang bermoral (Knight, Carlo, Basilio, & Jacobson, 2015; Carlo et al., 2013). Oleh itu, para ahli akademik sering kali meletakkan kajian ke atas perkembangan moral sebagai fokus utama dalam kajian tingkah laku moral. Malahan, terdapat kajian lepas yang menunjukkan hubungan positif di antara pertimbangan moral dan juga tingkah laku membantu (Carlo, 2005; Brooks et al., 2013; Carlo, 2014). Kohlberg (1969) di dalam teori perkembangan kognitif beliau menyatakan, wujudnya satu laluan secara terus di antara pertimbangan moral dan juga tingkah laku prososial. Hoffman (2001) juga turut menyatakan bahawa pertimbangan moral mungkin berhubung kait dengan tingkah laku prososial melalui faktor emosi khususnya keyakinan diri (Fu, Padilla-Walker & Brown, 2017) dan juga empati (Berger, Batanova & Cance, 2015). Empati atau rasa keprihatinan terhadap individu lain merupakan satu faktor motivasi yang penting dalam membantu meringankan kesusahan individu lain dan sekaligus membawa kepada





pembentukan tingkah laku membantu dan juga prihatin (Van der Graaff et al., 2018).

Carlo et al. (2010) di dalam kajian mereka juga turut cuba menghubungkan konsep penaakulan moral yang prososial dengan emosi moral seperti perasaan simpati dengan berasaskan kenyataan Hoffman (2000) yang menyatakan bahawa penaakulan moral akan mencetuskan atau mendorong perasaan simpati dan juga sebaliknya. Dapatan kajian Carlo et al. (2010) mendapati bahawa faktor empati berperanan sebagai faktor yang mampu membantu menghentikan tingkah laku agresif serta delinkuen dalam kalangan remaja. Namun demikian, hubungan di antara empati, tingkah laku agresif serta delinkuensi adalah tidak muktamad (Llorca-Mestre, Malonda-Vidal & Samper-Garcia, 2017). Malahan, kajian oleh Jolliffe & Farrington (2004) mendapati terdapatnya hubungan yang negatif di antara faktor empati dan delinkuensi di mana hubungan di antara empati yang rendah dengan kadar delinkuensi adalah didapati berhubung secara signifikan dalam kalangan delinkuen tegar. Schalkwijk et al. (2016) turut menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tingkah laku di antara remaja biasa serta remaja yang disabit kesalahan dari segi faktor empati.

Kemampuan seseorang individu untuk membuat pertimbangan mengenai apa yang dianggap bermoral dan tidak bermoral telah sekian lama menjadi persoalan kajian bertingkah laku oleh para ahli akademik (Klebl, Dziobek & Diessner, 2019). Hume (1969, p.462) menyatakan bahawa pertimbangan moral dibuat berasaskan perasaan yang menyebabkan penerimaan atau penolakan sesebuah tindakan. Pertimbangan moral yang kompeten merupakan kemampuan untuk membuat pertimbangan moral berdasarkan prinsip-prinsip moral serta bertindak berdasarkan pertimbangan yang berkenaan (Kohlberg, 1964). Pertimbangan moral akan memberi gambaran mengenai tahap perkembangan moral





kognitif seseorang individu. Menurut Kohlberg (1976), perkembangan moral kognitif akan berlaku pada tiga tahap di mana setiap tahap ini terdiri daripada dua peringkat yang tersendiri. Peringkat-peringkat ini akan menggambarkan tahap penaakulan moral individu yang akan membolehkan individu tersebut membezakan tindakan yang betul atau salah dan seterusnya mendorong individu berkenaan untuk bertingkah laku moral.

Namun demikian, kajian lepas juga menunjukkan bahawa pertimbangan moral tidak dapat menjelaskan sepenuhnya mengenai perkembangan tingkah laku moral. Kajian oleh Patrick et al. (2018) misalnya, menunjukkan bahawa pertimbangan moral sahaja tidak dapat meramal tingkah laku prososial secara umum. Namun, pertimbangan moral dengan diiringi identiti moral dapat menyumbang kepada kesanggupan remaja untuk menyertai tingkah laku prososial altruistik (Eisenberg & Spinrad, 2014). Blasi (1983) menyatakan bahawa perkembangan tingkah laku yang bermoral memerlukan seseorang individu itu untuk melihat nilai-nilai moral serta pertimbangan yang bermoral sebagai satu nilai yang teras pada sendiri mereka serta mempunyai rasa bertanggungjawab yang peribadi untuk bertindak selaras dengan nilai teras sendiri tersebut. Dalam erti kata yang mudah, individu yang ingin bertingkah laku secara bermoral haruslah mempunyai identiti sendiri berasaskan nilai moral.

Terdapat beberapa kajian di negara Barat mendapati bahawa individu yang mempunyai tahap perkembangan identiti moral yang tinggi cenderung untuk menunjukkan tingkah laku prososial (Johnston & Krettenauer, 2011; Aquino et al., 2009; Hardy et al., 2015; Malti et al., 2009; Malti & Krettenauer, 2009). Identiti moral turut dikenal pasti sebagai satu peramal konsisten ke atas tingkah laku prososial (Gotowiec & Mastrigt, 2019). Identiti moral remaja sering kali dikaitkan secara positif dengan tingkah laku prososial (Hardy et





al., 2015; Hardy, Walker, Rackham & Olsen, 2012). Namun demikian, kajian yang telah dijalankan penyelidik lepas adalah lebih berfokus kepada orang dewasa yang sudah mempunyai identifikasi identiti diri yang matang (Mulder & Aquino, 2013; Aquino & Freeman, 2009; Winterich, Mittal & Ross, 2009; Shao. Aquino & Freeman, 2008) walhal fasa remaja merupakan satu fasa yang sangat penting dalam proses pembentukan identiti (Erikson, 1968). Tambahan pula, fasa remaja merupakan fasa yang sangat penting dalam perkembangan tingkah laku prososial (Van der Graaff et al., 2014; Ferguson & Garza, 2011).

Silke, Brady, Boylan dan Dolan (2018) telah membuat satu ulasan secara sistematik mengenai faktor yang mempengaruhi perkembangan sifat empati serta tingkah laku prososial dalam kalangan remaja. Di dalam ulasan Silke et al. (2018) tersebut mendapati terdapat lima buah kajian secara '*cross-sectional*' yang telah dilakukan untuk membuat tinjauan ke atas perhubungan positif di antara prososialiti remaja dengan penilaian sendiri (Carlo, Basilio & Knight, 2016); komitmen terhadap identiti sendiri (Busch & Hofer, 2011); makna pencapaian peribadi (Furrow, King & White, 2004); perkembangan peribadi (Ma, Cheung & Shek, 2007) serta pandangan optimistik terhadap masa depan (Aguilar-Vafaie et al., 2011). Kelima-lima kajian ini tidak menjelaskan secara jelas perhubungan serta sumbangan identiti moral dan identiti prososial ke atas perkembangan tingkah laku prososial remaja khususnya remaja delinkuen.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Na dan Paternoster (2019) pula menyebut mengenai bagaimana faktor identiti prososial juga merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada pembentukan tingkah laku prososial yang turut disokong oleh penyelidik lain (Silver & Ulmer, 2012; Paternoster & Bushway, 2009). Reynolds dan





Ceranic (2007) membincangkan bagaimana identiti moral itu hanya akan memotivasikan seseorang tingkah laku sekiranya tingkah laku berkenaan dilihat sebagai perlu dimotivasikan oleh identiti moral. Maka, jika seseorang individu itu melihat pengekalan identiti moral sebagai matlamat akhir dalam pembentukan tingkah laku, individu berkenaan boleh memilih untuk tidak menyertai atau tidak menghiraukan mana-mana situasi yang boleh menjejaskan kemoralan mereka atau turut dikenali sebagai '*moral disengagement*' (Bandura, 2016; Krettenauer, 2020).

Berbeza pula sekiranya individu berkenaan melihat identiti prososial sebagai teras utama sendiri ideal mereka di mana individu berkenaan perlulah bertingkah laku secara prososial bagi mengekalkan sendiri ideal individu berkenaan (Hardy & Carlo, 2005). Namun demikian, Na dan Paternoster (2019) tidak menafikan peranan identiti moral sebagai faktor yang memotivasikan tingkah laku prososial. Kajian mengenai peranan identiti dalam proses menghentikan pengulangan jenayah (*desistance*) biasanya melibatkan jenayah yang serius serta banyak melibatkan penjenayah dewasa di mana kajian ini lebih berbentuk kualitatif serta tidak menyatakan dengan khusus jenis identiti yang dikaji (Na, Paternoster & Bachman, 2015; Bachman et al., 2016; Aresti, Eatough & Brooks-Gordon, 2010; Opsal, 2012; Stevens, 2012; Stone, 2015).

Sehingga kini, dalam pengetahuan penyelidik, kajian yang menjelaskan peranan identiti moral dan juga identiti prosial dalam mengembangkan tingkah prososial adalah terhad. Malahan, dalam pengetahuan penyelidik, belum terdapat satu kajian yang menjelaskan peranan identiti prososial dan identiti moral dalam perkembangan tingkah laku moral mahupun perkembangan tingkah laku prososial di Malaysia pada waktu kajian ini dijalankan. Pernyataan ini adalah selaras dengan kajian meta-analisis ke atas hubungan di





antara identiti moral dan tingkah laku moral oleh Hertz dan Krettenauer (2016) yang mendapati dari 112 kajian, hanya 10 buah kajian yang dijalankan dalam budaya selain Barat. Malahan, Jia, Krettenauer dan Li (2019) mendapati bahawa kesan identiti moral sebagai peramal tingkah laku moral dalam budaya selain Barat yang dinyatakan di dalam kajian tersebut berada pada tahap yang rendah yang seterusnya membawa kepada keperluan untuk membuat kajian yang mengkaji makna serta pengukuran konstruk identiti moral berdasarkan budaya yang berbeza.

Tingkah laku prososial remaja merupakan satu tingkah laku yang dikaitkan secara positif dengan remaja yang mempunyai tahap kemoralan yang tinggi. Justeru, remaja yang mempunyai tahap identiti moral yang tinggi akan menunjukkan tahap tingkah laku prososial yang tinggi. Meskipun identiti moral akan bercambah dari zaman awal kanak-kanak lagi, identiti moral hanya akan berkembang pada usia remaja serta awal dewasa (Hardy & Carlo, 2011). Perkembangan ini berlaku disebabkan kematangan kemoralan serta identiti akan berlaku pada zaman remaja. Hal ini demikian kerana, pada peringkat ini, remaja akan mula mengidentifikasikan diri mereka dengan kemoralan ideal serta komitmen mereka (Hardy et al., 2015). Terdapat juga beberapa kajian lepas yang mengkaji perkembangan tingkah laku prososial remaja namun, kajian berkenaan lebih menjurus kepada remaja normal (Hardy et al., 2015; Carlo, Crockett, Wolff & Beal, 2012; Doan, Fuller-Rowell & Evans, 2012; Hardy, Bhattacharjee, Reed & Aquino, 2010; Hardy et al., 2014; Lapsley & Stey, 2008) dan kurang kajian identiti moral dan identiti prososial dalam kalangan juvana atau remaja bermasalah. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan menggunakan remaja delinkuen sebagai responden kajian.





Terdapat banyak kajian di Malaysia yang telah mengkaji mengenai masalah tingkah laku dalam kalangan remaja. Kajian oleh Rozmi Ismail et al. (2017) misalannya telah mengkaji bagaimana faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial telah mempengaruhi tingkah laku yang penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. Kajian oleh Syazwana Aziz et al. (2019) juga turut mengkaji mengenai faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Di dalam kajian tersebut, penyelidik berkenaan telah melihat kepada sumbangan faktor pemantauan ibu bapa ke atas aktiviti harian anak-anak, komunikasi ibu bapa dengan anak-anak serta faktor religiositi ke atas peningkatan tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja.

Nik Nursyairah dan Mohd Nasir (2018) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian mereka telah mengkaji peranan tiga faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Dapatan kajian mereka kemudiannya mendapati bahawa faktor guru merupakan faktor yang paling banyak mempengaruhi peningkatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja diikuti faktor ibu bapa dan juga rakan sebaya. Terdapat juga kajian kes yang mengkaji fenomena perlakuan remaja yang mempunyai masalah tingkah laku (Mohd Nuri Mustafa et al., 2016). Kajian berkenaan telah berfokus kepada perincian ciri-ciri perlakuan remaja yang mempunyai masalah tingkah laku berdasarkan tiga aspek utama iaitu masalah psikologi, kecerdasan emosi dan pegangan agama. Selain memahami ciri-ciri perlakuan remaja yang delinkuen, penyelidik yang berkenaan juga mendapati bahawa perlakuan yang delinkuen dalam kalangan remaja banyak dipengaruhi oleh faktor ciri-ciri psikologi remaja itu sendiri serta pengaruh persekitaran iaitu ibu bapa dan rakan sebaya.





Di Malaysia, terdapat banyak kajian yang dijalankan untuk mengkaji faktor yang menyumbang kepada pembentukan tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, kadar jenayah juvana masih lagi meningkat saban tahun. Hal ini jelas apabila statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah merekodkan peningkatan sebanyak 5,305 kes jenayah juvana iaitu daripada 3,399 kes pada tahun 2012 kepada 8,704 kes pada tahun 2013. Manakala statistik jenayah indeks menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye pada tahun 2017 pula merekodkan murid yang ditangkap adalah seramai 1,722 orang murid dan pada tahun 2018 pula seramai 1,286 orang murid (Muhammad Apendy Issahak, 2019, Nov 11).

Kajian-kajian yang mengkaji faktor yang menyumbang kepada peningkatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja tidak boleh dinafikan kepentingannya. Hal ini demikian kerana, untuk mereka intervensi yang berkesan, seseorang penyelidik itu haruslah terlebih dahulu mengenal pasti punca sesuatu permasalahan itu berlaku. Namun, apabila implementasi dan juga intervensi yang telah direka tidak dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul, adalah wajar bagi para penyelidik untuk melihat permasalahan ini daripada perspektif yang berbeza dan mereka intervensi yang berbeza. Lahat, Gummerum, Mackay dan Hanoch (2015) menyatakan, untuk mengenal pasti faktor yang berkait rapat dengan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja, penyelidik perlu memahami bagaimana seseorang remaja itu membuat pertimbangan moral, bagaimana mereka berfikir serta bagaimana mereka bertingkah laku kerana pertimbangan serta kemoralan seseorang remaja itulah yang akan mencetuskan tingkah laku antisosial.





Tambahan pula, kajian mengenai tingkah laku prososial atau tingkah laku secara sukarela yang dilakukan dengan niat untuk membantu serta memberi manfaat kepada orang lain telah sekian lama menjadi topik kajian yang popular dalam kalangan para ahli akademik sains sosial (Eisenberg et al., 2006) di mana, kajian mengenai tingkah laku prososial remaja bukan sahaja dilihat sebagai satu hasil tingkah laku yang positif tetapi juga sebagai pencegah bagi menangani tingkah laku negatif remaja (Padilla-Walker, Memmott-Elison & Coyne, 2018). Dalam pengetahuan penyelidikan, kajian bertingkah laku di Malaysia lebih menjurus kepada faktor yang mempengaruhi peningkatan tingkah laku devian atau bermasalah dalam kalangan remaja dan kurangkajian mengenai faktor yang boleh menyumbang kepada modifikasi tingkah laku bersifat prososial dalam kalangan remaja khususnya remaja delinkuen.



Justeru, kajian mengenai jumlah sumbangan identiti moral serta identiti prososial terhadap perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen harus dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang mempunyai kuasa peramal tingkah laku bagi memahami faktor yang boleh mencegah tingkah laku antisosial di samping menjadi faktor penting dalam intervensi bagi menangani tingkah laku delinkuen remaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap perkembangan identiti moral, identiti prososial dan juga tingkah laku prososial remaja delinkuen, hubungan identiti moral dan juga identiti prososial dengan perkembangan tingkah laku prososial serta jumlah sumbangan identiti moral serta identiti prososial terhadap perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen di samping menyumbang kepada pertambahan maklumat serta ilmu pengetahuan mengenai tingkah laku prososial, identiti moral dan juga identiti prososial remaja delinkuen.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif kajian yang berikut:

- i. Mengenal pasti tahap perkembangan identiti moral, identiti prososial dan tingkah laku prososial remaja delinkuen.
- ii. Menentukan hubungan identiti moral dan identiti prososial dengan perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.
- iii. Menentukan jumlah sumbangan identiti moral dan identiti prososial terhadap perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian yang berikut:

- i. Apakah tahap perkembangan identiti moral, identiti prososial dan tingkah laku prososial remaja delinkuen?
- ii. Adakah terdapat hubungan di antara identiti moral dan identiti prososial dengan perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen?
- iii. Apakah jumlah sumbangan identiti moral dan identiti prososial terhadap perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen?



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan pernyataan yang dibentuk oleh penyelidik bagi meramal *output* sesebuah kajian (Mourougan & Sethuraman, 2017). Oleh itu, penyelidik telah mengemukakan beberapa hipotesis kajian bagi mengenal pasti hubungan di antara identiti moral dan identiti prososial dengan perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen serta jumlah sumbangan bagi setiap pemboleh ubah tidak bersandar berkenaan iaitu identiti moral dan juga identiti prososial terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen. Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian ini, penyelidik telah mengembangkan tiga hipotesis alternatif iaitu:

H₁: Terdapat hubungan yang signifikan di antara identiti moral dengan perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.


H₂: Terdapat hubungan yang signifikan di antara identiti prososial dengan perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.

H₃: Variasi dalam perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen dapat diterangkan oleh identiti moral dan identiti prososial.



1.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Perkembangan tingkah laku prososial boleh dijelaskan dengan menggunakan pelbagai pendekatan teoritikal. Untuk tujuan kajian ini, penyelidik akan menggunakan teori sosial kognitif dan juga Model Kendiri Blasi (1983) sebagai pendekatan teoritikal di dalam kajian ini. Teori sosial kognitif (Bandura, 1986) merupakan teori yang dikembangkan berdasarkan teori pembelajaran sosial Bandura (1976). Teori sosial kognitif merupakan teori pembelajaran yang bermodelkan satu model bersebab iaitu '*triadic reciprocal causation*' (Bandura, 1986). Model ini terdiri daripada tiga faktor iaitu faktor kognitif dan peribadi, faktor pengaruh persekitaran serta faktor tingkah laku. Ketiga-tiga faktor ini akan mempengaruhi satu sama lain secara dua hala (Sawitri, Hadiyanto & Hadi, 2015). Rajah 1.1 di bawah menggambarkan bagaimana ketiga-tiga faktor di dalam model bersebab ini



Rajah 1.1. Pengaruh Triadik di dalam Teori Sosial Kognitif. Sumber diubah suai daripada Stajkovic dan Luthans, 2003



Seterusnya bagi pendekatan teoritikal yang kedua pula, penyelidik akan menggunakan Model Kendiri Blasi (1983; 1984; 1993; 1995) bagi menjelaskan konstruk identiti sebagai pemboleh ubah bebas. Model Kendiri Blasi dibentuk dengan mengadaptasikan teori identiti Erikson bagi menjelaskan proses perkembangan kognitif Kohlberg. Menurut Blasi (1983), teori perkembangan kognitif Kohlberg tidak menjelaskan dengan terperinci fungsi moral seseorang individu kerana pertimbangan moral sahaja tidak dapat meramal tindakan yang akan diambil pada masa akan datang. Justeru, melalui model sendiri ini, Blasi (1983) kemudiannya mencadangkan identiti moral sebagai satu bentuk mekanisme pengawalan sendiri di mana konsep kemoralan bagi setiap individu adalah berbeza bergantung kepada identiti moral individu berkenaan. Perbincangan lanjut mengenai teori sosial kognitif Bandura dan juga Model Kendiri Blasi ini akan dibincangkan di dalam bab 2.



Terdapat banyak bukti empirikal yang cuba menjelaskan hubungan yang mungkin wujud di antara tingkah laku prososial dan juga identiti. Identiti merupakan satu faktor motivasi yang penting dalam mengembangkan tingkah laku yang selaras dengan cara seseorang individu itu melihat diri mereka (Na & Paternoster, 2019; Akerlof & Kranton, 2010). Akerlof dan Kranton (2010) juga turut menyatakan bahawa kandungan identiti seseorang individu itu akan mempengaruhi tingkah laku serta kecenderungan individu yang berkenaan. Kajian lepas yang sedia ada mengenai perkembangan tingkah laku prososial adalah berbeza-beza antara satu sama lain di mana kajian-kajian berkenaan cenderung untuk menekankan satu atau dua faktor motivasi.






Berdasarkan teori sosial kognitif dan juga Model Kendiri Blasi (1983) ini, penyelidik telah membina satu kerangka teoritikal yang boleh membantu penyelidik memahami bagaimana identiti moral dan identiti prososial mempengaruhi proses modifikasi tingkah laku prososial remaja delinkuen. Penyelidik telah mengintegrasikan aspek sosial kognitif Bandura (1986) dan mekanisma pengawalan diri Blasi (1983) dengan dua pemboleh ubah bebas iaitu identiti moral dan juga identiti prososial. Pemboleh ubah bebas ini berperanan sebagai faktor yang memotivasikan pertimbangan moral remaja delinkuen yang seterusnya membawa kepada perkembangan tingkah laku moral dan juga tingkah laku prososial.

Rajah 1.2 telah menunjukkan bagaimana identiti moral dan identiti prososial berfungsi sebagai mekanisma pengawalan diri dalam jurang di antara pertimbangan moral dan juga tingkah laku moral yang kemudiannya membawa kepada modifikasi tingkah laku prososial remaja delinkuen. Bagi konstruk identiti moral, penyelidik akan menggunakan konsep identiti moral yang dipelopori oleh Aquino dan Reed (2002) yang telah membahagikan identiti moral kepada dua dimensi iaitu simbolisasi dan juga internalisasi. Simbolisasi merujuk kepada sifat moral yang ditunjukkan kepada umum manakala internalisasi pula merujuk kepada sifat moral yang peribadi. Kedua-dua dimensi ini adalah konsisten dengan definisi teoritikal Erikson (1964) mengenai identiti. Penyelidik memilih konsep identiti moral Aquino dan Reed (2002) kerana konsep yang dijelaskan oleh penyelidik berkenaan dikembangkan berdasarkan kepada teori sosial kognitif Bandura yang mana teori ini adalah selaras dengan teori utama yang digunakan di dalam kajian ini.

Penyelidik turut memilih konstruk Aquino dan Reed (2002) ini kerana konstruk ini juga adalah konsisten dengan komponen kendiri Blasi (1983). Secara keseluruhannya,



konstruk identiti dan juga jurang pertimbangan moral dan tindakan moral ini mewakili faktor peribadi dan kognitif di dalam teori sosial kognitif. Faktor pengaruh persekitaran pula akan diwakili oleh keadaan negatif yang terdiri daripada keperluan instrumental, kehendak material yang tidak dipenuhi dan tekanan emosi. Manakala tingkah laku prososial yang terdiri daripada tingkah laku membantu, berkongsi dan menenangkan merupakan produk daripada faktor tingkah laku.




Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian



1.8 Kerangka Konsep Kajian

Penyelidik telah mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan identiti moral dan identiti prososial melalui kajian-kajian lepas. Melalui kajian lepas ini, penyelidik kemudiannya telah mengenal pasti pemboleh ubah yang akan digunakan untuk membentuk model kerangka konsep kajian. Kerangka konsep ini menjangkakan konstruk identiti moral dan identiti prososial akan menyumbang kepada perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen. Rajah 1.3 akan menunjukkan kerangka konsep kajian ini.





Nota:

—▶ Menunjukkan hubungan

Rajah 1.3. Kerangka Konsep Kajian

1.9 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan pelbagai istilah dan konsep. Penjelasan definisi serta konsep istilah yang digunakan dalam sesebuah kajian adalah amat penting bagi memastikan makna yang ingin disampaikan oleh penyelidik di dalam kajian ini dapat difahami oleh pembaca khususnya pembaca yang bukan merupakan dari bidang sains sosial. Penjelasan dan perbandingan istilah serta konsep ini akan dibuat dengan merujuk kepada pendefinisian konsep dan istilah oleh para penyelidik yang lepas bagi mendapatkan makna yang lebih mendalam dan luas. Oleh itu, penyelidik akan membuat penjelasan serta perbandingan definisi dan konsep yang relevan berdasarkan pemboleh ubah serta faktor penting yang terdapat di dalam kajian ini iaitu identiti moral, identiti prososial, tingkah laku prososial dan juga remaja delinkuen.

1.9.1 Identiti Moral

Secara definisinya, identiti moral telah dijelaskan sebagai satu bentuk mekanisme pengawalan diri yang memotivasikan tindakan moral (Blasi, 1984; Damon & Hart, 1992; Hart, Atkins & Ford, 1998). Blasi (1983) menyatakan bahawa struktur identiti memberikan mekanisma penting di mana identiti tersebut berperanan sebagai sumber motivasi bagi pengambilan tindakan yang bermoral. Bagi sesetengah individu, kemoralan tidak hanya mempersoalkan baik atau buruk sesebuah tindakan sebaliknya, kemoralan itu merupakan definisi bagi sendiri mereka. Individu seperti ini mempunyai satu set kandungan identiti (*identity content*) yang berpaksikan prinsip moral (Hardy & Carlo, 2011).



Sejajar dengan idea Blasi (1983), Colby dan Damon (1992) di dalam kajian mereka menyatakan bahawa identiti moral merupakan penyatuan di antara kemoralan dan juga sistem sendiri seseorang individu. Faktor yang membezakan individu yang tinggi kemoralannya dengan individu yang lain adalah ketinggian darjah di mana individu berkenaan mengalami penyatuan di antara kemoralannya dengan matlamat peribadi individu yang berkenaan (Hardy & Carlo, 2011).

Berdasarkan konsep identiti moral Blasi ini, terdapat banyak kajian telah dijalankan bagi meneroka konsep identiti moral. Justeru, amat sukar untuk menjelaskan konsep identiti moral berdasarkan satu perspektif sahaja. Terdapat dua perspektif yang dominan dalam mengkaji konsep identiti moral (Gototweic & Mastrigt, 2019) iaitu perspektif berasaskan karakter dan juga perspektif sosial kognitif (Aquino et al., 2009; Hardy & Carlo, 2005; Lapsley, 2004).

Oleh itu, di dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan perspektif sosial kognitif yang telah dijelaskan oleh Aquino dan Reed (2002) bagi menjelaskan definisi identiti moral. Aquino dan Reed (2002) telah mendefinisikan identiti moral sebagai satu tahap di mana menjadi insan bermoral dianggap sebagai identiti sosial yang penting bagi konsep sendiri seseorang individu. Identiti moral terdiri daripada dua dimensi iaitu internalisasi dan juga simbolisasi (Boegershausen, Aquino & Reed II, 2015). Internalisasi merupakan dimensi di mana sifat moral adalah penting bagi sendiri seseorang individu. Manakala simbolisasi pula merupakan dimensi di mana sifat kemoralan ini ditunjukkan melalui pilihan dan/atau tindakan yang ditunjukkan kepada umum (Aquino dan Reed, 2002).





Konsep identiti moral di dalam kajian ini boleh dilihat di dalam beberapa item soal selidik yang digunakan. Berikut merupakan contoh item yang menggambarkan konsep identiti moral yang ingin dijelaskan di dalam kajian ini;

B1 – Murah hati

B2 – Contoh yang baik

B3 _ Hormat pada orang lain

B7 – Bertanggungjawab

B8 – Mematuhi nilai moral

Untuk itu, dalam konteks kajian ini, identiti moral adalah merujuk kepada konsep sendiri serta ciri-ciri personaliti individu yang berbentuk internalisasi dan juga simbolisasi iaitu ditunjukkan kepada umum serta melalui tindakan individu berkenaan.



1.9.2 Identiti Prososial

Identiti prososial menurut Schwartz (2010) adalah merujuk kepada individu yang memegang sistem motif dan kepercayaan prososial. Manakala menurut Grant et al. (2009), identiti prososial merupakan satu dimensi di dalam konsep sendiri yang berfokus kepada tingkah laku membantu serta memberi manfaat kepada orang lain. Identiti prososial terbentuk apabila seseorang individu itu mengidentifikasikan dirinya sebagai individu prososial (Silver & Ulmer, 2012) untuk dijadikan sebagai penggalak keputusan individu berkenaan bagi mengembangkan hubungan dengan individu prososial lain (Na & Paternoster, 2019) di mana identiti prososial ini akan membawa kepada penghasilan aktiviti konvensional serta penghentian pengulangan jenayah.



Identiti prososial juga terbentuk apabila seseorang individu mengidentifikasikan dirinya sebagai individu prososial di mana identifikasi ini terbentuk hasil daripada cara individu itu menyatakan konsep kendirinya (Akerlof & Kranton, 2010; Oyserman, Elmore & Smith, 2012). Konsep identiti prososial di dalam kajian ini boleh dilihat di dalam beberapa item soal selidik yang digunakan. Berikut merupakan contoh item yang menggambarkan konsep identiti prososial yang ingin dijelaskan di dalam kajian ini;

C8 - Saya lebih suka memberi derma tanpa pengetahuan orang lain.

C9 - Saya cenderung untuk membantu orang yang mengalami kecederaan yang teruk.

C24 - Saya selalu memberi bantuan meskipun saya fikir saya tidak akan mendapat apa-apa faedah ketika membantu orang.

Untuk itu, di dalam konteks kajian ini, identiti prososial adalah merujuk kepada sistem sendiri individu yang dibentuk berasaskan nilai yang bersifat prososial yang meliputi tingkah laku membantu, berkongsi dan menenangkan.

1.9.3 Tingkah Laku Prososial

Tingkah laku prososial merupakan tindakan yang dianggap oleh kumpulan masyarakat sebagai satu tindakan yang memberi manfaat kepada orang lain (Penner, Dovidio, Piliavin & Schroeder, 2005) di mana tindakan prososial ini merupakan satu tindakan yang dilakukan secara sukarela untuk membantu orang lain (Padilla-Walker & Carlo, 2014; Eisenberg, Fabes & Spinrad, 2006). Tingkah laku prososial merangkumi pelbagai bentuk tindakan



yang diambil dengan niat untuk memberi manfaat kepada orang lain seperti berkerjasama, berkongsi, membantu, membuat kerja amal serta kerja-kerja kesukarelawanan (Manesi, van Doesum & van Lange, 2017). Terma tingkah laku prososial mula dikembangkan sekitar tahun 1970-an oleh para ahli akademik sosial yang merupakan antonim bagi tingkah laku '*standoffish*' iaitu dingin atau tidak mesra (Kaur, 2019).

Sesebuah tindakan akan dianggap sebagai altruistik apabila tindakan tersebut dimotivasikan oleh keinginan yang tulus ikhlas untuk membantu dan juga memberi manfaat kepada individu yang dibantu tanpa mengharapkan apa-apa balasan (Feigin, Owens & Goodyear-Smith, 2014). Kebiasaanya, tingkah laku prososial merupakan tindakan yang diambil atas perasaan simpati dan juga sifat altruistik individu yang membantu (Sen & Husain, 2020). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor egoistik yang boleh mempengaruhi individu untuk membantu orang lain seperti keinginan untuk mendapatkan pujian atau perhatian umum, mengurangkan rasa bersalah individu yang membantu ataupun mengharapkan balasan daripada individu yang dibantu (Batson, Ahmad & Stocks, 2011). Carlo dan Randall (2002) di dalam kajian mereka menyatakan terdapat enam jenis tingkah laku prososial iaitu altruistik (*altruistic*), emosi (*emotional*), genting (*dire*), tanpa nama (*anonymous*), patuh (*compliant*) dan umum (*public*). Perbincangan lanjut mengenai jenis-jenis serta ciri-ciri tingkah laku prososial ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab 2 iaitu bab kajian literatur.

Tingkah laku prososial ini boleh diamalkan oleh individu di dalam sesebuah kumpulan masyarakat atau oleh individu di luar kumpulan masyarakat tersebut. Tingkah laku prososial dalam apa jua bentuk adalah sangat penting untuk memastikan sesebuah kumpulan masyarakat itu berfungsi dengan efektif dan harmoni (Lay & Hoppmann, 2015).





Justeru, pemahaman mengenai apa itu tingkah laku prososial serta faktor yang memotivasikan tingkah laku prososial tersebut adalah amat penting (Grant & Mayer, 2009).

Konsep tingkah laku prososial di dalam kajian ini boleh dilihat di dalam beberapa item soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini. Berikut merupakan contoh item yang menggambarkan konsep tingkah laku prososial yang ingin dijelaskan di dalam kajian ini;

C6 - Saya cenderung untuk membantu orang yang sangat memerlukan bantuan dan dalam krisis

C12 - Saya cenderung untuk membantu orang lain terutamanya mereka yang mengalami isu emosi.

C17 - Saya memberi respons yang baik dalam proses menolong apabila seseorang sedang mengalami situasi yang beremosi



Justeru, bagi tujuan kajian ini, tingkah laku prososial adalah merujuk kepada tingkah laku remaja delinkuen yang bersifat membantu, berkongsi dan menenangkan yang dilakukan bagi memberi faedah kepada individu yang dibantu.

1.9.4 Remaja Delinkuen

Masa remaja telah digambarkan sebagai satu tempoh masa dalam hidup di mana individu berkenaan bukan lagi kanak-kanak tetapi masih lagi tidak menginjak pada usia dewasa. Masa remaja merupakan masa di mana individu yang berkenaan akan melalui perubahan fizikal dan psikologikal yang sangat besar. Remaja tersebut akan mengalami perubahan pengalaman dalam jangkaan serta persepsi sosial. Pada peringkat ini juga, remaja akan





mengembangkan kemampuan untuk berfikir secara kritikal dan juga abstrak dengan diiringi perkembangan kesedaran akan konsep sendiri apabila jangkaan masyarakat yang didiami memerlukan remaja tersebut menunjukkan kematangan emosi (WHO, 2009). *World Health Organization* (WHO) mendefinisikan bahawa remaja merupakan individu yang berusia antara 10 dan 19 tahun manakala belia pula individu yang berusia di antara 15 dan 24 tahun dan orang muda pula berusia di antara 10 dan 24 tahun (WHO, 2015).

Perkataan ‘delinkuensi’ berasal dari perkataan Latin “*delinquere*” yang dibahagikan kepada ‘*de*’ dan ‘*linquere*’ di mana ‘*de*’ membawa maksud jauh. Manakala ‘*linquere*’ pula membawa maksud ‘untuk meninggalkan’. Justeru, secara harfiahnya “*delinquere*” membawa maksud untuk pergi jauh atau untuk meninggalkan. Delinkuen merupakan satu tingkah laku yang menunjukkan pelanggaran oleh remaja seperti perlakuan melanggar peraturan sekolah serta kebiasaan norma masyarakat yang menunjukkan keruntuhan akhlak remaja berkenaan (Buerah, Shanah & Hamimah, 2015). Umumnya, delinkuen digunakan bagi menjelaskan apa jua bentuk pelanggaran peraturan atau apa jua masalah dalam bertingkah laku yang dilakukan oleh remaja. Di dalam konteks kajian ini, remaja delinkuen adalah merujuk kepada remaja yang berusia 10 hingga 19 tahun yang mempunyai masalah bertingkah laku dan juga disiplin di sekolah dan juga masyarakat.

1.10 Batasan Kajian

Bagi kajian ini, penyelidik akan membataskan kajian kepada pelajar bermasalah di beberapa buah sekolah terpilih di negeri Perak yang telah dikenal pasti sebagai sekolah ‘*hotspot*’ oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penyelidik telah memilih secara rawak melalui





cabutan undi bagi memilih negeri responden kajian yang akan dikaji di mana penyelidik telah mendapat negeri Perak. Penyelidik hanya menjalankan kajian di sebuah negeri sahaja memandangkan data kajian ini dikutip dua minggu sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa iaitu pada Mac 2020 yang menyebabkan penyelidik mengalami kesukaran untuk mengutip data dari beberapa buah negeri. Manakala bagi pemilihan sekolah pula, penyelidik telah mengutip data daripada enam buah sekolah yang terpilih secara rawak berdasarkan cabutan undi dari senarai sekolah hotspot di negeri Perak yang telah dikeluarkan oleh KPM dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Seterusnya, dari segi batasan bagi populasi dan sampel kajian pula, penyelidik telah menjalankan kajian dengan melibatkan 108 orang responden yang merupakan murid sekolah menengah berusia 13, 14 dan juga 16 tahun yang mempunyai rekod masalah disiplin dan bertingkah laku di sekolah masing-masing. Pemilihan responden kajian ini tidak mengambil kira aspek jantina, bangsa dan budaya. 108 orang responden ini merupakan keseluruhan populasi kajian yang dicadangkan oleh kesemua sekolah yang telah dipilih oleh penyelidik kajian berdasarkan senarai sekolah '*hotspot*' di Perak yang mana penyelidik kemudiannya telah memutuskan untuk menggunakan keseluruhan populasi tersebut sebagai sampel kajian ini. Jumlah sampel kajian telah ditentukan dengan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Cohen (1992) yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab 3.

Jumlah sampel kajian ini tidak dapat ditentukan dengan menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) memandangkan saiz populasi responden kajian tidak dapat ditentukan sebelum data kajian dikutip. Hal ini demikian kerana, tiadanya satu laporan statistik remaja delinkuen di sekolah yang dikeluarkan secara rasmi oleh mana-mana pihak berwajib.





Tambahan pula, penyelidik tidak boleh memilih sendiri sampel kajian dari sekolah yang telah dipilih atas sebab menjaga kerahsiaan dan sensitiviti murid-murid di sekolah yang berkenaan. Sekolah-sekolah yang menjadi lokasi kajian penyelidik ini telah mencadangkan senarai nama murid kepada penyelidik yang terdiri daripada 15 hingga 20 orang murid sahaja di mana penyelidik kemudiannya telah memilih untuk menggunakan keseluruhan populasi kajian yang dicadangkan oleh sekolah sebagai sampel kajian ini bagi mengelakkan berlakunya masalah seperti soal selidik yang rosak atau tidak lengkap di isi oleh responden kajian. Penyelidik telah menggunakan keseluruhan populasi kajian sebagai sampel kajian ini tanpa bias. Oleh hal yang demikian, penyelidik berkeyakinan bahawa dapatan kajian ini dapat menunjukkan ciri-ciri pelajar delinkuensi di sekolah-sekolah yang terbabit. Butiran bilangan responden kajian bagi setiap sekolah akan ditunjukkan di dalam bab 3.



Selain itu, bagi sampel kajian ini, penyelidik hanya menggunakan responden kajian yang bersekolah di sekolah menengah serta tidak mengambil peperiksaan awam penting seperti Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Pentaksiran Pendidikan Asas Vokasional (PAV), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Hal ini bagi memenuhi kelulusan bersyarat yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM yang tidak membenarkan murid yang mengambil peperiksaan awam untuk menyertai mana-mana penyelidikan sebagai responden kajian.





1.11 Kepentingan Kajian

1.11.1 Kepentingan Kajian Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja merupakan satu isu yang sangat membimbangkan dewasa ini. Terdapat pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang boleh meningkatkan perkembangan moral remaja namun, masih terdapat beberapa perdebatan mengenai faktor yang boleh memotivasikan seseorang individu untuk membuat pertimbangan moral di mana di dalam kajian ini faktor yang ingin diketengahkan adalah faktor identiti moral dan identiti prososial.

Oleh itu, kajian ini penting untuk dijalankan sebagai panduan dan juga memberikan maklumat kepada pihak KPM bagi mewujudkan intervensi yang berkesan ke atas kadar residivis dalam kalangan remaja delinkuen amnya serta pesalah juvana khususnya. Hal ini demikian kerana, melalui kajian ini, penyelidik akan dapat melihat tahap perkembangan identiti moral, identiti prososial, hubungan identiti moral dan identiti prososial dengan perkembangan tingkah laku prososial serta peranan identiti moral dan identiti prososial terhadap perkembangan tingkah laku prososial dalam kalangan remaja delinkuen. Terdapat kajian lepas yang mengukur tahap identiti moral di mana peserta kajian merupakan orang dewasa yang mana tahap perkembangan identitinya boleh dikira sebagai matang ataupun peserta kajian yang mana merupakan dalam kategori remaja normal. Justeru, penyelidik masih belum dapat melihat dengan jelas apakah hubungan identiti moral dengan perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.

Dapatan yang diperoleh akan memberikan informasi yang bermakna kepada pihak-





pihak yang berkepentingan seperti KPM serta penyelidik akan datang. Meskipun sekolah merupakan tempat pertama untuk murid-murid mendapatkan pendidikan formal, pihak KPM merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam menggubal kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh setiap sekolah yang berdaftar dengan KPM. Oleh itu, maklumat yang diperoleh daripada kajian ini akan membolehkan pihak KPM merangka strategi dan juga kurikulum yang boleh membangunkan murid yang berdaya saing bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi kemoralan. Tambahan pula, pemilihan remaja delinkuen sebagai peserta kajian akan memberikan pertambahan ilmu pengetahuan yang baharu ke atas kajian sedia ada di samping mengembangkan pemahaman ke atas peranan identiti moral dan identiti prososial dalam perkembangan pertimbangan moral seseorang individu khususnya remaja delinkuen. Maka, kajian mengenai tingkah laku individu khususnya remaja merupakan satu kajian yang perlu diberikan perhatian khusus sebagai salah satu usaha melahirkan golongan yang dinamik kemoralannya.

1.11.2 Kepentingan Kajian Kepada Sekolah

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan serta jumlah sumbangan identiti moral dan identiti prososial dengan tingkah laku prososial remaja delinkuen. Sekolah merupakan tempat pertama untuk seseorang murid mendapatkan pendidikan secara formal. Sekolah bukan sahaja merupakan berperanan sebagai tempat untuk murid mendapatkan kemahiran akademik tetapi juga merupakan tempat untuk murid mengembangkan kemahiran sosial mereka (Liu, Su, Tian & Huebner, 2020). Justeru, menjadi tanggungjawab sekolah untuk memberikan didikan bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga didikan dari segi pembangunan akhlak dan kemoralan





golongan remaja berkenaan. Oleh itu, kajian ini amat penting agar pihak sekolah boleh mewujudkan satu bentuk intervensi yang berkesan bagi menangani masalah delinkuensi dalam kalangan remaja. Dapatan yang diperoleh diharap dapat membantu pihak sekolah serta memberi input yang bermakna mengenai perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.

Selain itu, kajian ini juga dilihat penting untuk dijadikan panduan oleh pihak sekolah khususnya sekolah-sekolah pemulihan seperti sekolah Henry Gurney dan juga Tunas Bakti. Pusat pemulihan dan juga sekolah memainkan peranan yang sangat penting ke atas perkembangan moral remaja bermasalah ini. Melalui perkembangan tahap kemoralan, remaja delinkuen akan dapat mengembangkan pertimbangan moral mereka yang kemudiannya membawa kepada pengambilan tindakan yang bermoral.



1.11.3 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat

Terdapat banyak inisiatif yang telah diwujudkan oleh kerajaan khususnya KPM bagi melahirkan generasi yang berakhlak mulia. Namun begitu, rumah merupakan tempat pertama seseorang kanak-kanak itu mendapatkan pendidikan tidak formal mereka baik dari segi akademik mahupun pembentukan akhlak mereka. Justeru, adalah penting bagi sesebuah institusi kekeluargaan untuk mengembangkan persekitaran yang bersifat prososial bagi mengembangkan sifat prososial dalam diri anak mereka. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat sebagai penting untuk dijadikan panduan kepada masyarakat di Malaysia khususnya ibu bapa akan keperluan mengembangkan tingkah laku yang bersifat prososial dalam kalangan remaja khususnya remaja yang mempunyai masalah bertingkah laku.





Meskipun pihak sekolah dan juga KPM merupakan salah satu pihak yang berperanan penting dalam memberikan pendidikan formal kepada murid, ibu bapa juga turut memainkan peranan penting dalam membentuk kemoralan serta mengembangkan tingkah laku yang positif dalam diri anak mereka. Guru dan pihak sekolah perlu menguruskan ramai murid selain memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi setiap murid. Maka, tidak mustahil sekiranya terdapat beberapa orang murid yang mungkin akan merasa terabai dan kurang perhatian daripada guru dan juga pihak sekolah. Oleh itu, adalah penting bagi ibu bapa untuk mengambil inisiatif dan mendidik anak-anak mereka untuk menjadi insan bermoral dan berakhlak tinggi di luar waktu persekolahan.

Peranan ibu bapa dan ahli keluarga dalam menerapkan tingkah laku yang bermoral dan juga positif dalam diri anak mereka merupakan satu perkara yang perlu dititik beratkan.



Hal ini demikian kerana, perkembangan tingkah laku yang positif dan bersifat prososial seperti membantu, menenangkan dan juga berkongsi ini akan membawa kepada penurunan tingkah laku negatif dan antisosial serta pengurangan kadar jenayah dalam kalangan remaja. Penyelidik juga berharap agar dapatan yang diperoleh daripada kajian ini dapat menjadi panduan kepada masyarakat dalam membentuk generasi yang bersifat prososial, bermoral dan juga berakhlak tinggi. Diharapkan juga melalui kajian ini, masyarakat khususnya para ibu bapa akan dapat memahami aspek yang perlu diberi perhatian bagi mengembangkan sikap prososial serta kemoralan remaja.





1.11.4 Kepentingan Kajian kepada Penyelidik Pada Masa Hadapan

Seterusnya, kajian ini turut dilihat penting untuk dijalankan sebagai kajian rintis mengenai peranan identiti khususnya, identiti moral dan juga identiti prososial dalam bertingkah laku bagi penyelidik di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kajian mengenai identiti moral dan juga identiti prososial adalah terhad. Malahan, dalam pengetahuan penyelidik belum terdapat satu kajian yang khusus di Malaysia yang mengkaji mengenai peranan identiti dalam perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen. Hal ini jelas apabila kajian meta-analisis yang dijalankan oleh Hertz dan Krettenauer (2016) mendapati bahawa dari 112 buah kajian yang dijalankan berkenaan hubungan di antara identiti moral dan tingkah laku moral, hanya 10 buah kajian yang dijalankan di dalam budaya selain budaya Barat di mana tiada satu pun kajian tersebut dijalankan di Malaysia. Pemahaman mengenai konsep identiti serta peranan identiti terhadap perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen di Malaysia mungkin sahaja berbeza dengan remaja delinkuen di negara Barat.

Justeru, melalui kajian ini, penyelidik berharap agar dapatan kajian yang diperoleh di dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi penyelidik depan yang ingin mengembangkan lagi kajian mengenai peranan identiti dalam perkembangan tingkah laku yang positif serta membina ataupun mereka soal selidik atau intervensi yang bersesuaian ke atas tingkah laku remaja delinkuen melalui kajian mereka pada masa akan datang. Melalui kajian ini juga, penyelidik berharap agar penyelidik depan boleh mereka kajian yang lebih jitu dalam mengkaji konsep serta peranan identiti moral dan juga identiti prososial serta dalam perkembangan tingkah laku prososial. Diharapkan juga agar kajian ini boleh memberi nilai tambah kepada kajian sedia ada berkaitan kajian bertingkah laku dalam kalangan remaja khususnya remaja di Malaysia.





1.12 Pengorganisasian Bab

Di dalam sub topik ini, penyelidik akan menerangkan secara ringkas pengorganisasian bagi setiap bab di dalam kajian ini secara berstruktur bagi memudahkan pembaca memahami struktur kajian ini secara ringkas. Secara keseluruhannya, kajian ini terbahagi kepada lima bab utama. Bab 1 iaitu bab pengenalan merupakan perbincangan secara ringkas mengenai latar belakang kajian yang meliputi pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teoritikal dan juga kerangka konsep kajian. Penyelidik juga turut membincangkan definisi operasional bagi setiap pemboleh ubah serta konsep penting di dalam kajian ini. Batasan kajian dan juga kepentingan kajian kepada pihak-pihak yang berkepentingan juga turut dibincangkan. Bab 1 ini merupakan bab penting yang memberikan gambaran secara menyeluruh kepada keseluruhan struktur kajian ini.



Seterusnya, di dalam bab 2 iaitu bab kajian literatur, penyelidik telah secara ringkas membuat analisis ke atas kajian lepas yang membincangkan konsep serta dimensi identiti moral, identiti prososial dan tingkah laku prososial. Teori-teori penting yang digunakan di dalam kerangka teoritikal kajian ini juga turut dibincangkan di mana penyelidik telah membahagikan perbincangan teori tersebut mengikut jenis pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan juga pemboleh ubah bersandar. Identiti moral dan identiti prososial merupakan pemboleh ubah bebas di dalam kajian ini manakala tingkah laku prososial pula merupakan pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini. Pembahagian ini adalah penting bagi memudahkan pembaca memahami konsep setiap pemboleh ubah di dalam kajian ini. Kajian lepas yang berkaitan di dalam dan juga luar negara juga turut dibincangkan di dalam bab ini agar pembaca dapat menelaah kelompangan yang wujud dalam kajian-kajian lepas





yang cuba dipenuhi oleh kajian ini. Secara keseluruhannya, bab 2 merupakan bab yang membincangkan teori-teori penting yang digunakan sebagai teori utama di dalam kajian ini. Di dalam bab ini juga penyelidik turut mengulas kajian-kajian lepas yang telah membuat kajian bertingkah laku bagi melihat perbezaan serta kelompangan kajian-kajian lepas yang cuba dipenuhi oleh penyelidik di dalam kajian ini.

Di dalam bab 3 pula iaitu bab metodologi kajian, penyelidik telah membincangkan secara terperinci kaedah serta reka bentuk kajian ini. Bab metodologi kajian merupakan salah satu bab yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini demikian kerana, bab metodologi kajian merupakan bab yang akan membincangkan prosedur secara menyeluruh bagaimana sesebuah kajian itu dirancang, dijalankan serta dianalisis. Di dalam bab ini juga penyelidik akan membincangkan instrumen yang diguna pakai sepanjang kajian dijalankan. Melalui perbincangan instrumen kajian di dalam bab ini, penyelidik boleh mengenal pasti tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang diguna pakai bagi menjamin kualiti kajian yang dijalankan. Secara ringkasnya, bab 3 ini merupakan bab di mana penyelidik membincangkan secara terperinci reka bentuk kajian ini serta kaedah yang telah digunakan untuk menjalankan kutipan serta analisis yang telah dijalankan ke atas data yang telah diperoleh. Bab ini penting untuk dijadikan rujukan oleh penyelidik depan yang ingin membuat kajian bertingkah laku khususnya dalam kalangan remaja di mana, penyelidik depan boleh mengubah suai reka bentuk kajian ini bagi mewujudkan reka bentuk kajian yang lebih mantap pada masa akan datang.

Di dalam bab 4 iaitu bab dapatan dan analisis kajian, penyelidik telah menganalisis data yang dikutip daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian ini. Bab 4





merupakan bab di mana penyelidik telah membentangkan dapatan serta hasil analisis berbentuk numerikal yang telah dijalankan ke atas data yang diperoleh yang meliputi analisis berbentuk deskriptif dan juga inferensi. Analisis deskriptif dijalankan ke atas data demografi responden kajian serta bagi menjawab objektif pertama, kedua dan ketiga di dalam kajian ini yang meliputi analisis frekuensi, min dan sisihan piawai. Manakala bagi analisis inferensi pula, penyelidik telah menggunakan analisis korelasi dan juga regresi bagi mengenal pasti hubungan serta sumbangan pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini. Analisis faktor lanjutan juga turut dibentangkan secara terperinci di dalam kajian ini. Analisis faktor lanjutan telah dijalankan bagi mengeluarkan faktor baharu dari item asal bagi salah satu instrumen kajian dengan andaian bahawa item di dalam instrumen berkenaan berbentuk multi-dimensi. Secara ringkasnya, Bab 4 merupakan bab yang membentangkan serta menganalisis data kajian dalam bentuk



Akhir sekali, di dalam bab 5 iaitu bab kesimpulan, implikasi dan cadangan, penyelidik telah menyimpulkan hasil analisis data di dalam bab 4 dalam bentuk perbincangan. Perbincangan data kajian ini telah dibincangkan secara berturutan berdasarkan objektif kajian bagi memudahkan pembaca menelaah kesimpulan bagi setiap objektif kajian secara sistematik. Perbincangan data kajian ini telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan perbincangan secara ringkas dapatan kajian ini bagi setiap objektif kajian. Manakala bahagian kedua pula merupakan perbincangan secara menyeluruh kesimpulan dapatan kajian berasaskan tiga tema penting di dalam kajian iaitu tahap perkembangan bagi setiap pemboleh ubah, korelasi yang wujud di antara pemboleh ubah bebas dan juga pemboleh ubah bersandar serta jumlah sumbangan pemboleh ubah bebas ke



atas pemboleh ubah bersandar. Implikasi dan juga signifikansi kajian dalam bentuk teoritikal dan juga praktikal turut dibincangkan. Limitasi yang dihadapi sepanjang kajian dijalankan serta cadangan untuk kajian depan juga turut dibincangkan di dalam kajian ini. Secara ringkasnya, di dalam bab ini, penyelidik akan menyimpulkan dapatan kajian ini dalam bentuk perbincangan yang mana penyelidik telah membuat sintesis di antara kajian-kajian lepas dengan dapatan yang diperoleh di dalam kajian ini yang kemudiannya memberikan buah fikiran serta pandangan yang baharu mengenai peranan identiti moral dan juga identiti prososial dalam perkembangan tingkah laku prososial remaja delinkuen.

1.13 Rumusan Bab

Di dalam bab ini, penyelidik telah menyatakan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teoritikal kajian, kerangka konsep kajian, definisi operasional, batasan kajian, kepentingan kajian serta pengorganisasian bab.